

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ ALOR SETAR ]**

**TARIKH : 27 JULAI 2020**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan adakah peladang bukan Melayu layak menjadi ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan adakah pemilikan hartanah rizab Melayu oleh sesuatu PPK boleh dijadikan alasan untuk menolak kemasukan ahli bukan Melayu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman, peladang bukan Melayu adalah layak untuk menjadi ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). Hal ini jelas dinyatakan dalam Perkara 10(i) Perlembagaan PPK yang menyatakan kelayakan untuk menjadi anggota PPK iaitu:

*Orang-orang perseorangan yang mempunyai kelayakan yang berikut bolehlah menjadi anggota Pertubuhan ini -*

- (a) seseorang warganegara Malaysia yang telah mencapai umur 18 tahun dan tinggal dalam kawasan pengendalian Pertubuhan ini; dan*
- (b) mengambil bahagian dalam pengeluaran pertanian dan ternakan; atau*
- (c) mendapat pendapatan dari pengeluaran pertanian dan ternakan; atau*
- (d) menguasai mana-mana daripada faktor-faktor pengeluaran pertanian dan ternakan.*

Jelas, tiada syarat didalam Perkara 10(i) Perlembagaan PPK yang menghalang bukan Melayu menjadi ahli PPK.

2. Manakala berkenaan isu pemilikan hartanah rizab Melayu, setiap negeri mempunyai undang-undang tersendiri yang diperuntukkan melalui Enakmen Rizab Melayu masing-masing yang mengandungi syarat ataupun sekatan yang berbeza mengikut negeri masing-masing dan ianya di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri berdasarkan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, urusan pemilikan hartanah Rizab Melayu adalah urusan di antara Kerajaan Negeri dan PPK sahaja.

Sekian, terima kasih.